



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**30 OGOS 2022 (SELASA)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**30 OGOS 2022 (SELASA)**



## Harga naik mustahil boleh turun semula

**HARGA** ayam sudah turun, tetapi malangnya harga jualan makanan berasaskan ayam seperti nasi ayam atau nasi kukus ayam yang telah dinaikkan sebelum ini nampaknya belum turun-turun lagi.

Semasa berlaku kenaikan harga bahan mentah seperti ayam sebelum ini, ramai peniaga terpaksa menaikkan harga jualan bagi menampung peningkatan kos itu.

Maka, ramai-ramai pakat menaikkan poster tulisan tangan memaklumkan mereka terpaksa berbuat demikian ekoran kenaikan kos bahan mentah.

Ketika itu ramai pengguna faham situasi yang berlaku kerana mereka tahu harga jualan ayam yang begitu tinggi sehingga melebihi RM10 dan ada juga RM12 sekilogram.

Mereka tidak marah atau merugut kerana situasi berkenaan mungkin bersifat sementara sahaja sehingga harga barang kembali rendah dan bekalan stabil semula.

Tetapi semua itu andai semata-mata, sebahagian peniaga yang tamak tidak akan menurunkan harga. Sekali harga makanan naik, sukar untuk diturunkan semula.

Jika harga bahan mentah naik hari ini, keesokan harinya juga mereka akan menaikkan harga dan dijadikan modal setiap hari untuk menyalahkan pihak lain.

Bagaimanapun, apabila harga bahan mentah turun, ada peniaga yang buat-buat tak tahu pula, poster yang dinaikkan pun masih terpampang.

Pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) secara rawak baru-baru ini mendapati, harga makanan di restoran dan kedai makan di seluruh negara masih lagi tinggi.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid dilaporkan berkata, tidak ramai peniaga makanan mengambil inisiatif menurunkan semula harga jualan walaupun isu kenaikan bahan mentah kini sudah semakin reda.

Katanya, harga ayam sudah turun antara RM6.40 dan RM7 sekilogram, tetapi harga sepinggan nasi ayam masih ada mencecah RM12.

Sebelum ini, mekanisme pelaksanaan harga siling ayam standard RM9.40 sekilogram di Semenanjung dilaporkan mungkin tidak akan diteruskan kerajaan selepas 31 Ogos ini memandangkan bekalannya semakin stabil hari demi hari.

Namun kelmarin, kerajaan melalui Kabinet telah bersetuju penetapan harga siling ayam standard diteruskan pada harga RM9.40 sekilogram, sekali gus menyaksikan harga ayam tidak akan diapungkan di pasaran.

Maka, tiada lagi alasan peniaga makanan untuk tidak menurunkan harga jualan. Jika tidak boleh turun sampai RM2, cukup sekadar RM1.

Jangan fikir tembolok diri sendiri sahaja, bebanan pengguna juga perlu diambil kira.

## Cubaan seludup 3,245 liter petrol, diesel gagal

**Padang Besar:** Sebanyak 3,245 liter petrol dan diesel bersubsidi bernilai RM138,186.25 yang cuba diseludup ke Thailand dirampas sepasukan anggota penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis selepas menyerbu sebuah stor di Jalan Jirat Cina, Kampung Melayu Padang Besar, di sini, pagi semalam.

Dalam serbuan jam 7 pagi itu, tiga lelaki termasuk dua warga Thailand dipercayai pemandu dua trak pikap bernombor pendaftaran Thailand yang berada di dalam premis bagaimanapun berjaya meloloskan diri.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perlis, Mohd Amir Abdullah, berkata serbuan dilakukan hasil maklumat awam dan risikan selama dua minggu mengenai aktiviti penyeludupan petrol dan diesel di stor tidak bernombor itu.

Beliau berkata, ketika serbuan anggota penguatkuasa

terserempak dengan tiga lelaki dan seorang daripadanya dipercayai penjaga stor itu bertemparan lari sebelum menghilangkan diri di sekitar rumah penduduk berhampiran.

"Pemeriksaan menemui dua trak pikap bernombor pendaftaran Thailand yang berisi petrol di dalam tangki yang sudah diubah suai.

"Selain itu, pemeriksaan turut menemui tangki tambahan termasuk hos minyak yang diubah suai untuk memindahkan minyak ke dalam pikap yang tiba dari Thailand," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan di Kampung Melayu Padang Besar di sini.

### Stor sebagai transit

Mohd Amir berkata, siasatan awal mendapati stor berkenaan dijadikan sebagai transit oleh sindiket berkenaan untuk menyeludup petrol dan diesel bersubsidi ke negara jiran.

"Sindiket akan mengisi pet-



Mohd Amir menunjukkan trak pikap yang diubah suai di sebuah stor di Jalan Jirat Cina, Kampung Melayu Padang Besar, semalam. (Foto Aizat Sharif/BH)

rol serta diesel yang dibeli dari pada beberapa stesen minyak berhampiran dan dikumpulkan dalam stor berkenaan. Kemudian, ia diisi semula ke dalam

15 tong untuk petrol, manakala dua tangki plastik putih untuk diesel.

"Ketika serbuan dilakukan, kita hanya menemui sekitar

3,245 liter berbanding isi padu penuh sebanyak 5,000 liter.

"Rangkaian sindiket dari Thailand ini akan memasuki Malaysia melalui Padang Besar sebaik sahaja pintu sempadan Malaysia-Thailand di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (ICQs) Padang Besar dibuka," katanya.

Katanya, semakan juga mendapati stor itu sudah beroperasi sejak April lalu dan pernah diserbu Pasukan Gerakan Am (PGA) minggu lalu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan untuk melakukan kesalahan mengikut Peraturan 3(1) Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Sabit kesalahan boleh didenda RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan denda RM3 juta atau lima tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan berulang," katanya.



JABATAN Perangkaan Malaysia mengumumkan kadar inflasi Malaysia meningkat 4.4 peratus kepada 1279 pada Julai 2022.

## PERANGI INFLASI

# SEMUA PIHAK ADA PERANAN PENTING

**Bernama**  
**Kuala Lumpur**

**P**eranan semua pihak termasuk persatuan pengguna, pemain industri dan peniaga serta Keluarga Malaysia amat penting dalam usaha untuk memerangi inflasi, selain langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membendung inflasi dan membantu

rakyat mendepani isu kos sara hidup.

"Inflasi di Malaysia lebih rendah berikutan langkah kerajaan terus menyediakan peruntukan subsidi lebih besar iaitu RM77.7 bilion pada 2022 berbanding bajet asal RM31 bilion," katanya.

Menurut Mustapa, kerajaan menanggung subsidi elektrik RM5.8 bilion untuk mengekalkan tarif elektrik kepada semua pengguna untuk separuh kedua 2022.

"Kerajaan juga melaksanakan harga kawalan melalui Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia dan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan seperti gula, tepung gandum

kegunaan am, minyak masak paket satu kilogram, ayam dan telur serta RON95 dan diesel," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan sudah memperluas Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) membabitkan 600 kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara dan 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan.

"Program JMKM dilaksanakan mulai Ogos sehingga Disember 2022 untuk menawarkan pengurangan harga barangan keperluan harian sehingga 20 peratus berbanding harga pasaran semasa se-

tempat," katanya sambil memaklumkan sebanyak RM80 juta diperuntukkan bagi menjayakan program berkenaan.

Mustapa berkata, usaha turut diambil untuk memantapkan penguatkuasaan di sempadan bagi mengawal penyeludupan barangan bersubsidi dengan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara harian terhadap 480 item di 1,500 premis di seluruh negara.

Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2018 serta Akta Persaingan 2010 turut diperkukuh, katanya.

| Senarai Harga Barang Keperluan |                |                |                |                        |               |                  |                |
|--------------------------------|----------------|----------------|----------------|------------------------|---------------|------------------|----------------|
| • Ayam                         | <b>RM7.99</b>  | • Telur Gred A | <b>RM12.90</b> | • Gula Pasir           | <b>RM2.84</b> | • Cili Merah     | <b>RM12.99</b> |
| • Daging Lembu Tempatan        | <b>RM39</b>    | • Ikan Kembung | <b>RM12.99</b> | • Bawang Besar Holland | <b>RM3.99</b> | • Kubis Tempatan | <b>RM3.99</b>  |
| • Daging Lembu Import          | <b>RM30.99</b> | • Minyak Masak | <b>RM7.70</b>  | • Bawang Putih         | <b>RM4.65</b> | • Tepung Gandum  | <b>RM3.29</b>  |

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI KPDNHEP)**

---

**30 OGOS 2022 (SELASA)**

Persidangan Kebangsaan SSM ke-11 angkat tema

**'Tadbir Urus Korporat dan Kemampunan'**



**P**ersidangan Kebangsaan SSM ke-11 atau SSM National Conference 2022 (SSMNC22) pada tahun ini menjadi platform bagi memperkukuh tadbir urus dan kelestarian korporat dalam mencapai nilai jangka masa panjang serta pertumbuhan perniagaan yang mampan melalui tema 'Tadbir Urus Korporat dan Kemampunan'.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Sri Alexander Nanta Linggi dalam ucapan perasmian berkata tema yang dipilih oleh SSM pada tahun ini amat bersesuaian dengan pertumbuhan inklusif bagi memperkukuh tadbir urus korporat serta kemampunan dalam mencapai pertumbuhan perniagaan yang pesat.

Malah katanya, banyak syarikat telah mula menyepadukan kemampunan dalam strategi serta inisiatif perniagaan sedia ada mereka selaras dengan aspirasi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) bagi hala tuju untuk mencapai Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

"Banyak syarikat kini memberi tumpuan kepada penambahbaikan amalan terbaik untuk tadbir urus korporat dan kemampunan, dengan matlamat untuk menjalinkan hubungan yang lebih baik dengan pihak berkepentingan kerana ini penting bagi keupayaan syarikat untuk berkembang maju dan makmur.

"Dengan trend yang semakin meningkat dan jangkaan daripada pelabur dan pegawai

sella, lembaga pengarah perlu memberi perhatian khusus kepada amalan perniagaan dan kesannya terhadap persekitaran sosial serta alam sekitar kerana mereka mempunyai kuasa untuk membentuk hala tuju dan budaya syarikat melalui falsafah dan amalan tadbir urus korporat yang baik," katanya semasa merasmikan persidangan dalam talian yang berlangsung pada 26 dan 27 Julai 2022 itu.

SSMNC22 kali ini telah menarik rekod penyertaan kira-kira 2,400 delegasi termasuk lapan delegasi antarabangsa.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, berkata objektif SSMNC22 adalah untuk membuka platform bagi memperkukuh tadbir urus dan kelestarian korporat dalam mencapai nilai jangka masa panjang serta pertumbuhan perniagaan yang mampan.

Katanya, dalam persidangan itu juga sebanyak sembilan sesi plenari diadakan bersama ahli-ahli panel terdiri daripada kalangan pengamal sektor korporat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam pelbagai bidang.

Pada sesi plenari pertama bertajuk "Coming Together for the Sustainability Agenda", para panel telah berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka mengenai peranan syarikat dalam mencapai aspirasi RMK-12. Dalam sesi plenari kedua, topik "Regulatory Landscape & Expectations on Sustainability



Datuk Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**"Tema yang dipilih oleh SSM pada tahun ini amat bersesuaian dengan pertumbuhan inklusif bagi memperkukuh tadbir urus korporat serta kemampunan dalam mencapai pertumbuhan perniagaan yang pesat."**



Antara ahli panel yang memperkukuh perbincangan mengenai tadbir urus korporat dan kemampunan semasa SSMNC22

pematuhan oleh badan kawal selia terhadap pertimbangan syarikat mengenalpasti risiko dan pembuatan keputusan dengan menyepadukan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social and Governance [ESG]) sebagai strategi perniagaan.

Manakala sesi plenari ketiga memberi tumpuan kepada bagaimana kemampunan boleh diterapkan dalam Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Sementara itu, dalam sesi plenari keempat, peserta diberi pendedahan berkaitan tadbir urus digital bagi pembangunan lestari.

Sesi plenari kelima pada hari kedua, SSMNC22 memberi fokus kepada tindakan

lembaga pengarah dalam topik "Leading climate action from the boardroom. From Talk To Action" dan sesi plenari keenam telah membincangkan mengenai pengukuhan tadbir urus korporat untuk memastikan kemampunan perniagaan.

Sesi plenari ketujuh telah membincangkan mengenai kepimpinan yang berkonsepkan kelestarian dan sesi plenari kelapan memberi tumpuan kepada cara-cara setiausaha syarikat memacu perbuahan bagi menarik perhatian mengenai tadbir urus dan kemampunan. Menutup tirai SSMNC22 ke-11, sesi plenari terakhir membawakan isu-isu terkini yang melibatkan operasi, dasar dan perundangan di bawah topik "SSM Talks".



Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

**"SSMNC22 membuka platform bagi memperkukuh tadbir urus dan kelestarian korporat dalam mencapai nilai jangka masa panjang serta pertumbuhan perniagaan yang mampan."**



**BERITA ONLINE BERTARIKH 30 OGOS 2022**

| TARIKH | TAJUK  | PAUTAN  | MEDIA           |
|--------|--|---|-----------------|
| 30-Aug | Malaysia kedua Indeks Pemer-kasaan Pengguna ASEAN  | <a href="https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/29/malaysia-kedua-indeks-pemeriksaan-pengguna-asean/">https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/29/malaysia-kedua-indeks-pemeriksaan-pengguna-asean/</a>   | HARAKAHDAILY    |
| 30-Aug | AEON ANJUR KARNIVAL BUMIKENYALANG DAN KEMPEN BELI BAANGAN MALAYSIA HINGGA 31 OGOS 2022         | <a href="https://dagangnews.com/aeon-anjur-karnival-bumi-kenyalang-dan-kempen-beli-barangan-malaysia-hingga-31-ogos-2022-18728">https://dagangnews.com/aeon-anjur-karnival-bumi-kenyalang-dan-kempen-beli-barangan-malaysia-hingga-31-ogos-2022-18728</a>   | DAGANGNEWS      |
| 30-Aug | AEON LANCAR KARNIVAL PROMOSI PRODUK PKS  | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2022/08/876438/aeon-lancar-karnival-promosi-produk-pks">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2022/08/876438/aeon-lancar-karnival-promosi-produk-pks</a>   | HM              |
| 30-Aug | KPDNHEP TUMPASKAN PENYELEWENGAN PETROL DAN DIESEL BERNILAI LEBIH RM6000                        | <a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/46027-kpdnhep-tumpaskan-penyelewengan-petrol-dan-diesel-bernilai-lebih-rm6-000">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/46027-kpdnhep-tumpaskan-penyelewengan-petrol-dan-diesel-bernilai-lebih-rm6-000</a>   | BERITARTM       |
| 30-Aug | Cubaan seludup minyak bersubsidi gagal [METROTV]   | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/876566/cubaan-seludup-minyak-bersubsidi-gagal">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/876566/cubaan-seludup-minyak-bersubsidi-gagal</a>   | HM              |
| 30-Aug | PENAPIS HASILKAN AIR SEPERTI AIR ZAM ZAM PUNCA PENJUALAN PALSU                                 | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/994172/penapis-hasilkan-air-seperti-air-zamzam-punca-penjualan-palsu">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/994172/penapis-hasilkan-air-seperti-air-zamzam-punca-penjualan-palsu</a> | BH              |
| 30-Aug | Harga siling ayam, telur kekal di M'sia; kilang tertentu boleh eksport setelah dapat kebenaran | <a href="https://berita.mediacorp.sg/dunia/harga-siling-ayam-telur-kekal-di-msia-kilang-tertentu-boleh-eksport-setelah-dapat-kebenaran-686406">https://berita.mediacorp.sg/dunia/harga-siling-ayam-telur-kekal-di-msia-kilang-tertentu-boleh-eksport-setelah-dapat-kebenaran-686406</a>                         | BERITAMEDIACORP |

|        |  |   |         |
|--------|--|---|---------|
| 30-Aug | Kilang tertentu boleh eksport ayam mulai Oktober                                       | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/876705/kilang-tertentu-boleh-eksport-ayam-mulai-oktober">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/876705/kilang-tertentu-boleh-eksport-ayam-mulai-oktober</a>   | HM      |
| 30-Aug | HARGA SILING AYAM KEKAL RM9.40 AYAM BOLEH DIEKSPORT SEMULA MULAI OKTOBER               | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/994295/harga-siling-ayam-kekal-rm940-ayam-boleh-dieksport-semula-mulai">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/994295/harga-siling-ayam-kekal-rm940-ayam-boleh-dieksport-semula-mulai</a> | BH      |
| 30-Aug | Harga Siling Ayam, Telur Kekal, Kilang Tertentu Boleh Eksport Bermula Oktober - Annuar | <a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/29884/harga-siling-ayam-telur-kekal-kilang-tertentu-boleh-eksport-bermula-oktober-annuar">https://www.getaran.my/artikel/semasa/29884/harga-siling-ayam-telur-kekal-kilang-tertentu-boleh-eksport-bermula-oktober-annuar</a>   | GETARAN |
| 30-Aug | Harga Siling Ayam Kekal, Hanya Kilang Tertentu Boleh Eksport Mulai Oktober – Annuar    | <a href="https://suara.tv/29/08/2022/harga-siling-ayam-kekal-hanya-kilang-tertentu-boleh-eksport-mulai-oktober-annuar/">https://suara.tv/29/08/2022/harga-siling-ayam-kekal-hanya-kilang-tertentu-boleh-eksport-mulai-oktober-annuar/</a>   | SUARATV |
| 30-Aug | KPDNHEP Perlis patahkan cubaan seludup diesel dan petrol subsidi                       | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/kpdnhep-perlis-patahkan-cubaan-seludup-diesel-subsidi/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/kpdnhep-perlis-patahkan-cubaan-seludup-diesel-subsidi/</a>   | UM      |
| 30-Aug | KPDNHEP gagalkan cubaan seludup 3,245 liter diesel, petrol ke Thailand                 | <a href="https://www.kosmo.com.my/2022/08/29/kpdnhep-gagalkan-cubaan-seludup-3245-liter-diesel-petrol-ke-thailand/">https://www.kosmo.com.my/2022/08/29/kpdnhep-gagalkan-cubaan-seludup-3245-liter-diesel-petrol-ke-thailand/</a>   | KOSMO   |
| 30-Aug | KPDNHEP PERLIS TUMPAS SINDIKET SELUDUP BAHAN API                                       | <a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2115551">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2115551</a>   | BERNAMA |
| 30-Aug | KPDNHEP CRIPPLE ATTEMPT TO SMUGGLE SUBSIDISED PETROL, DIESEL NEIGHBOURING CONTRY       | <a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2115510">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2115510</a>   | BERNAMA |

|        |   |   |                |
|--------|---|---|----------------|
| 30-Aug | Sorok Minyak Bersubsidi Dalam Tong Drum   | <a href="https://fb.watch/fd15LwITQi/">https://fb.watch/fd15LwITQi/</a>   | FB             |
| 30-Aug | Chicken ceiling price and egg subsidy remain, some farms can export from Oct — Annuar       | <a href="https://www.theedgemarkets.com/article/chicken-ceiling-price-and-egg-subsidy-remain-some-farms-can-export-oct-%E2%80%94-annuar">https://www.theedgemarkets.com/article/chicken-ceiling-price-and-egg-subsidy-remain-some-farms-can-export-oct-%E2%80%94-annuar</a>   | THEEDGEMARKETS |
| 30-Aug | 'Prestasi jualan murah Keluarga Malaysia masih tak cukup baik'                              | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/994324/prestasi-jualan-murah-keluarga-malaysia-masih-tak-cukup-baik">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/994324/prestasi-jualan-murah-keluarga-malaysia-masih-tak-cukup-baik</a>                             | BH             |
| 30-Aug | Annuar Musa: Chicken ceiling price, egg subsidy remain, some farms can export beginning Oct | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.theborneopost.com/2022/08/29/annuar-musa-chicken-ceiling-price-egg-subsidy-remain-some-farms-can-export-beginning-oct/%3famp">https://www.google.com/amp/s/www.theborneopost.com/2022/08/29/annuar-musa-chicken-ceiling-price-egg-subsidy-remain-some-farms-can-export-beginning-oct/%3famp</a> | THEBORNEOPOST  |